

..:BICARA SN 1:..

Baru-baru ini media melaporkan bahawa kenaikan harga minyak dunia membantu Petronas mencatatkan peningkatan 55 peratus dalam keuntungan sebelum cukainya kepada RM58.03 bilion bagi tahun yang berakhir pada 31 Mac, 2005, daripada RM37.44 bilion pada tahun kewangan sebelumnya [Bernama 30hb Jun]. Dengan keputusan yang lebih baik ini, Petronas dapat membuat pembayaran dalam bentuk cukai, dividen, royalti dan duti eksport berjumlah RM31.2 bilion kepada kerajaan berbanding RM21.3 bilion tahun lepas. Pada masa yang sama, kenaikan harga minyak dunia juga telah menimbulkan ura-ura bahawa harga petrol dan diesel akan dinaikkan lagi sehingga para pengguna berpusu-pusu membanjiri stesen minyak untuk mengisi minyak. Meskipun ura-ura ini terbukti tidak benar, sejak kebelakangan ini kemungkinan kerajaan akan mengambil langkah pengurangan subsidi minyak menyebabkan rakyat terus berada dalam keadaan cemas dan bimbang. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menolak kemungkinan subsidi minyak akan dikurangkan lagi berikutan kenaikan mendadak harga minyak yang kini mencecah paras tertinggi melebihi AS\$60 (RM228) setong [Bernama 30hb Jun]. Datuk Mustapa Mohamed telah menulis di dalam Utusan Malaysia menjustifikasi kemungkinan tindakan kerajaan mengurangkan subsidi minyak [Utusan Malaysia 30 Jun]

Persoalan yang timbul dari penjelasan fakta di atas menjurus kepada apakah yang dimaksudkan dengan subsidi. Subsidi membawa konotasi wang yang dihulurkan oleh kerajaan sebagai bantuan kepada rakyat atau golongan-golongan tertentu. Hakikat subsidi, dari penulisan Datuk Mustapa, tidak disandarkan kepada tanggungjawab pihak kerajaan keatas rakyat dan tidak pula dikaitkan dengan persoalan hak rakyat; namun subsidi didalam penulisan ini digambarkan sebagai sesuatu yang tidak terkait dengan tanggungjawab dan hak, tetapi terkait dengan **belas ehsan yang boleh ditarik balik**. Di dalam Islam, isu yang akan diperhatikan bukanlah berkisar di sekitar masalah subsidi tetapi masalah **hak dan tanggungjawab**. Galian seperti minyak merupakan hak umum dan hasil keuntungan minyak akan dikembalikan 100% kepada rakyat dalam bentuk bahanapi percuma/kos rendah, wang, kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Tiada persoalan subsidi didalam pembahagian hak umum - **adalah menjadi tanggungjawab Daulah untuk membahagikan hak ini sebagai suatu kewajiban!!** Pendidikan asas dan kesihatan pula merupakan dua hak masyarakat yang telah ditentukan dengan jelas di dalam Islam. Bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan sewajarnya tidak dikonotasikan sebagai subsidi kerana kedua-dua sektor ini merupakan **hak masyarakat yang wajib disediakan oleh pemerintah. Pemerintahan Islam yang didasari dengan ketaqwaan dibawah Daulah Khilafah akan memastikan bahawa hak-hak asasi individu dan masyarakat tetap dijaga dan pengertian subsidi diletakkan ditempat yang sewajarnya**. Tersentak juga hati bila melihat Petronas untung besar, namun masih ada lagi golongan rakyat yang terpaksa memakan siput babi sebagai makanan seharian!![TV3 Bersamamu – Episod 5].

..:BICARA SN 2:..

Amerika kembali mendedahkan hipokrasi mereka. Kali ini adegan teater hipokrasi mereka dilakonkan dengan dakwaan bahawa Presiden terbaru Iran adalah seorang pengganas. Kolonel (B) Charles Scott, salah seorang dari pegawai Amerika yang menjadi mangsa tawanan dalam serbuan yang dilakukan oleh pelajar radikal Universiti Iran ke atas Kedutaan Amerika pada tahun 1979, beria-ia mendakwa bahawa Ahmedinejad merupakan salah seorang dari mereka yang terlibat. Tambahan dari itu, didalam keadaan demokrasi tidak menyebelahi Amerika, mereka dengan segera memperlecehkan pilihanraya demokrasi Iran. Presiden Bush menganggap bahawa kemenangan Ahmedinejad terkeluar dari landasan demokrasi...

Begitulah hipokrasi Amerika. Tidak pernah pula mereka mempersoalkan dan memperlecehkan kedudukan Ariel Sharon sebagai Perdana Menteri Israel sedangkan beliau yang bertanggungjawab sepenuhnya keatas tragedi Shabra dan Shatila. Gelaran ‘Penyembelih Beirut’ yang dipikul Sharon diketepikan begitu sahaja oleh Amerika. Tidak pernah pula mereka mengutuk si penyembelih Andijan dan ‘demokrasi’ nya sedangkan kekejaman Karimov sudah terbukti sebagai fakta yang tidak dapat dinafikan? Mengapa pula pilihanraya Iraq yang hanya melibatkan hanya 30% dari rakyatnya tidak dianggap gagal dan diperlecehkan malah dilaungkan sebagai pilihanraya yang berjaya? Berhati-hatilah kaum muslimin...teater hipokrasi Amerika ini pasti akan berulang apabila Khilafah berdiri kelak - dengan lontaran tuduhan dan tohmahan yang lebih keras lagi...

Nasyrah Mingguan:  
**Hizbut Tahrir MALAYSIA**  
 www.hizb-ut-tahrir.info

Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Tiada Hakcipta dalam Islam. Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-mailkan kepada htm@mykhilafah.com

**KEGAGALAN SISTEM KAPITALISME MENANGANI MASALAH SOSIAL  
 MENENGGELAMKAN ASPIRASI MASYARAKAT CEMERLANG,  
 GEMILANG DAN TERBILANG**

[SN25175] Masyarakat Malaysia dikejutkan dengan satu lagi gejala sosial. Episod menyedihkan musim baru menyaksikan seorang pelajar Sekolah Menengah Agama Al-Maidah Addinia, Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang bernama Muhammad Afiq Qusyairi Baharuddin, 13, dilaporkan telah dipukul pelajar senior pada 24 April [Bernama 14 Jun 2005]. Ketika ramai dari kalangan anggota masyarakat mengurut nafas lega kerana adik Afiq tidak mengalami lumpuh seluruh anggota badannya dan boleh berjalan sendiri, tiba-tiba insiden seorang remaja dibelasah sekelompok samseng menjadi berita sensasi negara. Laporan Berita Harian, Khamis 30hb Jun 2005 menyatakan Allahyarham Asrin Mohsin, 18, yang bertarung nyawa selepas dibelasah di Pesiaran Gurney, Georgetown awal pagi Sabtu lalu, disahkan meninggal dunia jam 4 pagi setelah koma selama 4 hari. Gara-gara seorang perempuan, nyawa menjadi galang-gantinya!

Sungguhpun isu ini menarik perhatian seluruh anggota masyarakat termasuk ahli Parlimen dan Sultan yang sudi mencemar duli untuk turun ke padang, perhatian keatas gejala sosial yang semakin menjadi-jadi ini seolah-olah sekadar hangat-hangat tahi ayam kerana wujudnya terlalu banyak agenda hiburan yang menenggelamkan berita-berita sebegini. Rancangan televisyen realiti seperti Akademi Fantasia, Malaysian Idol, Mentor dan Bintang RTM lebih mendapat tempat di hati peminat seni hiburan tanahair. Sambutan konsisten terhadap rancangan yang mampu menjana keuntungan yang besar bagi stesyen televisyen dan syarikat telekomunikasi dibuktikan dengan curahan airmata peminat menangisi ‘pemergian’ idola mereka; sebaliknya isu sosial seperti insiden buli dan belasah hanya disambut dengan rungutan yang bersifat sementara. Manifestasi ‘komitmen’ sebahagian rakyat Malaysia terhadap hiburan ditonjolkan sejurus selepas tamat Akademi Fantasia 2 dimana media melaporkan bahawa RM7.5 juta telah ‘dilaburkan’ oleh rakyat Malaysia dalam bentuk undian SMS [Utusan Malaysia, 15 Ogos 2004].

Putrajaya untuk menyaksikan secara langsung konsert mingguan kelima Akademi Fantasia 3 (AF3). Apakah sikap sebegini mampu merealisasikan aspirasi melahirkan masyarakat cemerlang? Sautun Nahdhah ingin mengungkap masalah sosial masa kini yang berpunca antara lain dari **tiadanya konsep pemisahan antara lelaki dan wanita dalam kehidupan** dan sekaligus menelusuri perspektif Islam dalam menanganinya untuk melahirkan masyarakat yang gemilang di dunia dan akhirat.

**Reaksi Masyarakat**  
 Sesetengah kaum Muslimin melihat realiti yang menyakitkan ini sebagai masalah akhlak dengan bersandarkan pada tanggapan “*Jika setiap individu memiliki akhlak yang baik, maka masyarakat pun akan menjadi baik. Kemunduran dan kebangkitan suatu masyarakat sangat ditentukan oleh kebangkitan dan kemunduran akhlaknya*”. Pandangan ini adalah sangat dangkal kerana insiden-insiden menyedihkan yang dipaparkan di atas sebenarnya adalah merupakan gejala atau *symptoms*, manakala **penyakit sebenar yang melanda masyarakat hari ini adalah disebabkan oleh dominasi sistem kapitalis dan tidak dilaksanakannya hukum-hakam Islam secara kaffah (menyeluruh) dalam kehidupan**. Akibatnya masyarakat tidak pernah ambil pusing mengenai salah satu punca masalah sosial yang sangat menonjol iaitu *pergaulan lelaki dan wanita yang tidak menurut batasan yang ditetapkan oleh syarak*.

**Cara Merubah Masyarakat di dalam Sistem Kapitalis**  
 Jika aspirasi murni yang ingin dikejar adalah untuk melahirkan masyarakat cemerlang, ini bermakna konteks yang hendak dikaji adalah kebangkitan umat

atau kebangkitan masyarakat, bukan setakat kebangkitan individu. Sudah tentu cara membangkitkan individu pasti tidak sama dengan cara membangkitkan masyarakat. Contohnya, seorang lelaki yang mengamalkan rukun Islam dengan sempurna, dapatkan dia mengawal jirannya dari terjebak dengan perzinahan? Justeru cara membahas kebangkitan masyarakat adalah dengan memahami unsur-unsur penyusunan masyarakat serta cara mengubah masyarakat yang terdiri dari 4 unsur – manusia, pemikiran, peraturan dan perasaan. Jika penyelesaian yang dicari adalah berasaskan sistem kapitalis yang memencilkan manfaat-mudarat, untung-rugi semata-mata kita akan menyaksikan bahawa hukuman yang dilaksanakan tidak mampu menyelesaikan berbagai krisis sosial yang kian meruncing. Hukuman berasaskan *common law* juga terbukti gagal dan tidak mampu melindungi masyarakat sehingga hak masyarakat untuk menikmati ketenangan telah dirampas.

### Hukuman dari Perspektif Islam

Syariat Islam adalah sistem yang ditetapkan oleh Allah melalui Rasulullah saw untuk mengatur kehidupan manusia secara keseluruhan demi kerahmatan umat manusia sepanjang masa, dimana jua. Hukum Islam dengan sumber Al-Quran dan As-Sunnah, adalah hukum lengkap yang akan mengatur segenap aspek kehidupan manusia. Dengan ijthihad para mujtahid, hukum Islam akan mampu menjawab setiap persoalan baru yang muncul. Ia tidak akan pernah kekering dan sentiasa relevan di sepanjang masa. Hukum Islam diturunkan kepada manusia dengan memandang manusia sebagai manusia yang memiliki sifat kemanusiaan (insaniah) yang secara sunnahtullah, tidak mengalami perubahan. Manusia yang hidup 14 abad yang lalu di negeri Arab, memiliki sifat kemanusiaan yang dengan manusia yang hidup sekarang. Menurut Syeikh Muhammad Muhammad Ismail dalam kitab *Al-Fikru al Islamy*, pada diri manusia terdapat beberapa potensi kehidupan iaitu keperluan organik serta naluri berupa naluri beragama, naluri pembiakan dan naluri mempertahankan diri (*survival instinct*) sebagai *sunnatullah* yang mana potensi ini tetap wujud sepanjang masa. Justeru itu, cara menangani sebarang permasalahan yang melanda manusia hendaklah dengan mengambil kira fitrah atau *sunnatullah* manusia ini.

### Antara Wanita dan Lelaki

Wanita dan lelaki adalah makhluk Allah SWT yang diciptakan untuk saling lengkap-melengkapi. Di dalam Al Qur'an, Allah Swt berfirman berkaitan dengan keberadaan manusia, yang terdiri dari laki-laki dan perempuan, sebagai berikut; *“Hai manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kalian dari*

*seorang laki-laki dan seorang perempuan, lalu menjadikan kalian berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kalian saling mengenal”* [TMQ al-Hujurat 49:3]

*“Diantara tanda-tanda kekuasaannya ialah Dia menciptakan untuk kalian isteri-isteri dari diri kalian sendiri supaya kalian cenderung dan merasa tenteram dengannya”* [TMQ ar-Rum 30:2]

Wujudnya di dalam diri manusia perasaan sayang menyayang dan kesesuaian antara wanita dan lelaki adalah sesuatu yang lumrah. Ia adalah manifestasi naluri manusia untuk melanjutkan keturunan, yang menuntut pemuasan ketika ia mula bergejolak. Akan tetapi, naluri tersebut tidak akan bergejolak, kecuali kerana adanya fakta luaran yang dapat diindera atau wujud pemikiran atau khayalan yang sengaja ditimbulkan. Sekiranya diperhatikan dengan ikhlas, kita akan dapati bahawa **masalah sosial yang bermaharajalela di dalam masyarakat saat ini rata-rata disebabkan oleh runtuhnya batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita**. Apabila masyarakat lebih selesa menghabiskan masa dengan aktiviti-aktiviti hiburan, yang pada hakikatnya melunturkan batas-batas pergaulan lelaki/perempuan dan kurang peduli terhadap masalah-masalah sosial di sekeliling mereka, bagaimanakah aspirasi untuk melahirkan masyarakat cemerlang & gemilang hendak dicapai?

### Penyelesaian Menurut Perspektif Islam

#### i. Ketaqwaan Individu

Islam yang lengkap ini memiliki pengaturan dan hukum-hukum tentang apa jua permasalahan yang menimpa manusia. Seorang muslim sejati yakin bahawa pemenuhan naluri melanjutkan keturunan (*gharizatul nau'*) hanya dapat diselesaikan melalui pernikahan. Sekiranya ia masih belum berkemampuan, naluri ini dikekang dengan mengalihkannya kepada aktiviti yang mendekatkan diri pada Allah (*taqarrub ilallah*) seperti berpuasa sebagaimana sabda Rasulullah di dalam hadis riwayat Bukhari yang bermaksud, *“Wahai pemuda, sesiapa sahaja diantara kamu yang mampu berumahtangga, maka menikahlah. Sebab, menikah itu dapat menundukkan pandangan dan membentengi kemaluan. Namun, sesiapa sahaja yang tidak mampu, maka hendaknya berpuasa, sebab puasa itu dapat menjadi benteng (bagi seseorang)”*

Ini juga selaras dengan firman Allah – *“Orang-orang yang tidak mampu untuk menikah, hendaklah menjaga kesucian (diri)nya hingga Allah memberikan kepada mereka kemampuan dengan kurnia-Nya* [TMQ an-Nur 24:33].

Sekiranya terjadi realiti seperti wanita seksi lalu di hadapan mata, dia akan dengan segera menundukkan pandangannya sebagaimana perintah Allah SWT, *“Katakanlah kepada lelaki-lelaki beriman, hendaklah mereka menundukkan pandangan mereka dan menjaga kemaluan mereka”* [TMQ an-Nur 24:30].

Sementara bagi wanita pula, ia akan mematuhi perintah menundukkan pandangan, memakai khimar (tudung kepala) dan berjilbab ketika di tempat umum dan di hadapan lelaki bukan mahram sebagaimana firman Allah: *“Hendaklah mereka melabuhkan kain tudung ke dada mereka. Janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa tampak pada dirinya”* [TMQ An-Nur 24: 31]; *“Hendaklah mereka mengulurkan jilbab mereka ke atas seluruh tubuh mereka* [TMQ al-Ahzab 33:59].

Selain itu, dia juga akan mengelakkan *tabarruj* seperti memakai wangian dsb. Ini dapat dilihat contohnya melalui hadis dari Abu Musa al-Asy'ari yang bermaksud: *Siapapun wanita yang memakai wewangian kemudian melalui suatu kaum agar mereka mencium baunya, bererti dia seorang pezina*.

#### ii. Kawalan Masyarakat

Walaubagaimanapun, seperti mana hukum-hukum lain, pelaksanaan syariat sepenuhnya tidak sekadar bergantung kepada ketaqwaan individu tetapi juga kawalan masyarakat yang mana apabila berlaku sesuatu aktiviti maksiat, setiap ahli masyarakat wajib melakukan tindakan pencegahan sepertimana yang diperhatikan di dalam hadis - *Barangsiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubah dengan tangannya. Jika tidak mampu, maka dengan lidahnya. Jika tidak mampu, dengan hatinya (di dalam hati). Itulah lemah-lemah iman*.

#### iii. Kewujudan Negara yang menerapkan Islam secara Kaffah

Ketaqwaan individu dan campur tangan masyarakat untuk mengatasi masalah sosial tidak akan dapat mencegah dan menyelesaikan sepenuhnya kemaksiatan yang bermaharajalela di dalam masyarakat tanpa adanya penguatkuasaan dan

hukuman oleh negara kepada yang melanggarnya. Hukuman hudud kepada pezina adalah satu contoh hukuman kepada pelaku maksiat, selain dari penguatkuasaan tentang penampilan dan pakaian di tempat awam yang bertujuan untuk menjaga kemalihatan masyarakat. Nuansa ketaqwaan di dalam individu dan masyarakat juga hanya dapat diwujudkan melalui penerapan Islam yang kaffah.

### Khatimah

Islam sebagai sebuah ideologi lengkap memiliki setiap penyelesaian akan permasalahan yang melanda manusia. Dalam menangani masalah sosial, aspek yang perlu difokuskan adalah naluri melanjutkan keturunan (*procreational instinct*) yang mana, rangsangan dan tarikan antara berlainan jantina (yang didorong oleh naluri ini) haruslah dihalusi dan ditangani sesuai dengan hukum syara'. Ketiadaan sistem pemerintahan yang menerapkan Islam secara kaffah menyebabkan tiadanya hukum-hukum bersepadu yang wujud seiring sejalan antara ketiga-tiga faktor – ketaqwaan individu, kawalan masyarakat dan kewujudan negara yang menerapkan hukum-hukum Islam secara kaffah. Sebagai seorang Muslim yang berfikir jernih, adalah sangat perlu kita melihat sesuatu isu dengan mengkaji akar umbi permasalahannya (*root of the problem*) dan bukan sekadar melihat gejala (*symptoms*). Gejala-gejala sosial yang meruncing ini merupakan suatu akibat yang pasti dari tiadanya Daulah Islam, yang dengannya penerapan hukum Islam dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Justeru itu, penyelesaian paling tuntas dalam apa jua permasalahan yang dihadapi umat manusia, termasuk gejala sosial adalah dengan **melanjutkan kehidupan Islam; mengajak kaum muslimin untuk kembali hidup secara Islami di dalam Darul Islam**. Di bawah naungan Daulah Islamiyyah, yang dipimpin oleh seorang Khalifah yang menjalankan pemerintahan berdasarkan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya, seluruh kegiatan kehidupan diatur sesuai dengan hukum syara' dan konsep yang menjadi pedoman adalah halal dan haram. Tidaklah perlu kita mempertikaikan hukum Allah atas alasan masyarakat masih belum bersedia menerimanya. Dalam pelaksanaan undang-undang British dan demokrasi berparlimen, rakyat tidak pernah pula ditanya samada sudah bersedia atau belum... Dalam merealisasikan Darul Islam, perjuangan haruslah didasari dengan jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW di dalam dakwahnya; dan adalah wajar kita mengalusi pemikiran Islam satu persatu supaya apabila perahu telah di lautan dan pendayung telah ada di tangan, kita tidak pula terkapai-kepai mencari as-Syafie dan al-Ghazali untuk meraih restu Illahi.

Wallahu 'alam.